

Kerajaan timbang Bernas beli padi

UM 1 DEC 2001

Oleh SOPHA SULAIMAN

ALOR SETAR 30 Nov. - Kerajaan akan menimbang kemungkinan meminta Padiberas Nasional Berhad (Bernas) membeli padi bagi mengatasi masalah lambakan padi di negara ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kualiti padi tempatan yang kurang menarik merupakan antara punca berlakunya lambakan padi berulang semula tahun ini.

"Padi tempatan kualitinya kurang menarik, sebab itu pengilang tidak

berminat membeli," ujarnya.

Beliau berkata, lambakan padi tempatan juga disebabkan penyeludupan beras dari negara jiran.

"Sukar bagi kita untuk mengawal kegiatan penyeludupan beras sepanjang masa memandangkan sempadan negara yang panjang," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas melawat rumah kelahiran beliau di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas menge-

nai lambakan padi di kilang-kilang tempatan dan kegiatan penyeludupan beras.

Kira-kira 300,000 tan metrik padi dilaporkan tersadai di 40 kilang milik pengilang beras kerana pengilang enggan membelinya pada harga biasa kerana harga beras yang lebih murah mudah didapati.

Mengenai kemungkinan kerajaan meminta Bernas membeli padi yang dilambak itu seperti yang dilakukannya pada tahun lalu, Dr. Mahathir berkata: "Yalah nanti kita tengok."

Ditanya tentang lang-

kah yang diambil bagi menjamin beras tempatan, Dr. Mahathir menjelaskan kerajaan akan mencari jalan bagi mengatasi masalah itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menyatakan, kerajaan telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna memberi perhatian khusus mengenai perkara itu.

Kerajaan juga, kata Abdullah bersetuju mengkaji semula dasar padi dan beras negara secara yang lebih komprehensif.